

[MAKALAH]

TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN DALAM KES KEMATIAN

a

HJ. MISZAIRI HJ. SITIRIS*
AKMAL HIDAYAH HALIM**

ABSTRAK

b

Di Malaysia, tuntutan harta sepencarian diiktiraf oleh Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri dan boleh dituntut dengan sebab berlakunya perceraian, poligami atau kematian. Namun begitu, dalam kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian seseorang pasangan, masih terdapat kekeliruan, terutama dari segi penentuan mengenai siapa yang berhak membuat tuntutan, prosedur mahkamah, kaedah pembuktian, cara pembahagian serta jenis harta yang boleh dituntut sebagai harta sepencarian. Makalah ini bertujuan mengenal pasti proses tuntutan harta sepencarian dalam kes kematian, khususnya di Negeri Selangor dengan memberikan penekanan kepada amalan Mahkamah Syariah dalam memutuskan kes-kes berkaitan tuntutan sebegini. Pengertian harta sepencarian, kedudukannya dalam Islam, di samping peruntukan dalam Undang-undang Keluarga Islam yang berkaitan turut dibincangkan bagi menentukan tuntutan atau pembahagian harta sepencarian selepas kematian adalah suatu amalan selari dengan tuntutan syarak dalam menegakkan keadilan.

c

d

d

PENGENALAN

e

Harta sepencarian merupakan salah satu hak yang boleh dituntut oleh isteri mahupun suami, bukan sahaja selepas berlaku perceraian, tetapi juga selepas kematian salah seorang daripada mereka. Tuntutan harta sepencarian selepas kematian kini kian popular, namun merumitkan kerana ia melibatkan harta pusaka dan pertikaian antara waris.

PENGERTIAN HARTA SEPENCARIAN¹ SERTA SKOPNYA

e

f

Sememangnya tiada pengertian atau definisi yang diberikan oleh ulama Islam silam dalam kitab-kitab mereka mengenai harta sepencarian. Hal ini mungkin disebabkan adat kebiasaan pada zaman mereka, iaitu hanya suami yang keluar bekerja untuk mencari rezeki dan penghidupan untuk keluarga. Sedangkan isteri di rumah menguruskan rumah tangga. Maka, isu harta sepencarian tidak timbul.²

* Penulis ialah penolong profesor di Jabatan Fiqh dan Usul Al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

g

** Penulis ialah penolong profesor di Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

1 Antara istilah lain yang digunakan ialah: "Carian laki-bini" bagi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, "pencarian" bagi masyarakat Melayu Sarawak, "pencurian" bagi masyarakat Islam Mindanau, Sarawak, "hareuta sihareukat" di Aceh, "gano-gina" di Jawa, "harta suarang" bagi masyarakat Minangkabau, "guna-kaya" bagi masyarakat Sunda, dan "druwe bagro" bagi masyarakat Bali. Lihat, H. Ismuha, 1978. Pencarian Bersama Suami Isteri di Indonesia. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, hlm. 19, dan Md. Akhir Yaacob, Harta Sepencarian [1984] 5 JH 36.

h

- a Berbeza dengan adat di Nusantara seperti di Indonesia, Brunei, Pattani dan juga Malaysia yang rata-rata penduduknya dahulu adalah petani. Suami isteri bekerjasama mengusahakan tanah pertanian mereka. Apabila mereka bercerai, harta atau tanah yang mereka usahakan bersama akan dibahagikan antara mereka. Oleh sebab itu, harta sepencarian lebih dikaitkan dengan adat yang diamalkan dalam masyarakat di negara ini.³
- b Secara umumnya, harta sepencarian boleh ditakrifkan sebagai sebarang harta alih atau tidak alih yang diperoleh oleh pasangan suami isteri secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh sesuatu perkahwinan yang sah.⁴
- c Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003, Seksyen 2 (1) mentafsirkan bahawa: [“harta sepencarian” ertiinya harta yang diperoleh bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak].⁵
- d Dalam kes Yang Chik Iwn Abdul Jamal⁶, hakim menyatakan bahawa: “Harta sepencarian ialah harta yang diperoleh semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbang tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta.”
- e Berdasarkan kepada Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003⁷ berkenaan dengan kuasa mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian, dapat disimpulkan bahawa harta sepencarian adalah harta yang terhasil sama ada dengan usaha bersama antara suami isteri atau salah seorang pihak sahaja

-
- e 2 Miszairi Sitiris, 2008. “Al-Huquq al-Maliyyah lil Muthollaqah” (Tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), hlm. 196.
 - f 3 Ahmad Ibrahim, 2001. Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, hlm. 212. Lihat juga, Ahmad Ibrahim, “The Muslim in Malaysia and Singapore: The Law of Matrimonial Property”, dlm. J.N.D. Anderson, Family Law in Asia and Africa. London, hlm. 183 – 204, dan Ibrahim Lembut, 2007. “Kaedah dan Keseragaman Pembahagian Harta Sepencarian dalam Harta Pusaka”, dlm. Konvensyen Perwarisan Harta Islam 2007. Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad, hlm. 13, dan Mimi Kamariah, 1997. Family Law in Malaysia. Kuala Lumpur: Malaysian Law Journal, hlm. 366, dan Suwaid Tapah, 2009. “Konsep dan Amalan Pembahagian Harta Sepencarian”, dlm. Akmal Hidayat Halim et al., Undang-undang Harta dan Amanah. Kuala Lumpur: Pusat Undang-undang M. Hashim, hlm. 15 – 17, dan Md. Akhir Yaacob dan Siti Zalikhah Md. Noor, 1989. Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah, hlm. 72, dan Nik Noriani Nik Badli Shah, 2001. Perkahwinan dan Penceraihan di Bawah Undang-undang Islam. Kuala Lumpur: International Law Book Services, hlm. 144.
 - g 4 Lihat, Zaleha Kamaruddin, 2009. “Hukum Harta Sepencarian dari Sudut Pandangan Wanita Peneroka Felda”, dlm. Akmal Hidayah Halim et al., Undang-undang Harta dan Amanah. Kuala Lumpur: Pusat Undang-undang M. Hashim, hlm. 46, dan Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd. Hashim, 2008. Isu-isu Syariah di Malaysia Siri 1. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), hlm. 81, dan Siti Zalikha Md. Nor, 1996. Pemilikan Harta dalam Perkahwinan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 16, dan H. Ismuha, 1978. Pencarian Bersama Suami Isteri di Indonesia, hlm. 55, dan Mohd. Radzuan Ibrahim, 2006. Munakahat: Undang-undang dan Prosedur. Ampang: DRI Publishing House, hlm. 183.
 - h 5 Seksyen 2 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003.
 - h 6 Yang Chik Iwn Abdul Jamal [1985] 6 JH 146, lihat juga Sepiah Iwn Abdullah [1984] V/I JH 61, Piah Iwn Che Lah [1983] 3 JH 220.

dalam suatu perkahwinan yang sah mengikut undang-undang. Jika diperincikan, mana-mana harta yang terhasil sebelum tarikh perkahwinan, dalam perkahwinan yang tidak sah mengikut undang-undang atau selepas dari tarikh penceraian adalah tidak dianggap sebagai harta sepencarian. Begitu juga harta yang diperoleh semasa tempoh perkahwinan tetapi dengan cara perwarisan, hibah atau wasiat adalah milik individu tersebut.⁸

Walaupun begitu, mana-mana harta yang diperoleh sebelum perkahwinan atau diperoleh dalam suatu tempoh perkahwinan yang sah secara warisan, hibah ataupun wasiat, tetapi harta tersebut berkembang dengan usaha mereka bersama atau usaha perseorangan pasangan yang lain, maka harta tersebut juga boleh dianggap sebagai harta sepencarian.⁹

TAKYIF FIQHI (ÝPá ÊBí í Ý) ATAU KEDUDUKAN HARTA SEPENCARIAN MENGIKUT SYARAK

Terdapat beberapa kes terdahulu yang dilaporkan cuba mentakyifkan (menyamakan atau menjustifikasikan) harta sepencarian dengan harta syarikat secara umum.¹⁰ Ada juga pengkaji yang cuba menyamakan harta sepencarian antara suami isteri dengan syarikat al-abdan, syarikat al-mufawadhab, syarikat al-‘inan, syarikat al-‘amal¹¹. Walau bagaimanapun, pendapat tersebut adalah kurang tepat kerana harta sepencarian tidak memenuhi atau menepati ciri-ciri syarikat tersebut yang merupakan jenis syarikat al-‘uqud yang memerlukan akad atau kontrak dengan maksud perkongsian harta. Sedangkan perkongsian harta sepencarian antara suami isteri tidak melalui sebarang akad dan akad perkahwinan yang dilangsungkan bukan dengan maksud perkongsian harta. Maka, ia merupakan suatu qisas yang batil atau “al-qiyas ma’ a al-fariq”.¹²

Mungkin pendapat yang mengatakan harta sepencarian sebagai suatu syarikat al-milk hampir kepada kebenaran memandangkan syarikat al-milk boleh terbentuk tanpa memerlukan sebarang akad.¹³ Seperti dua orang yang berkongsi membeli suatu barang atau harta, mendapat hibah, wasiat atau pusaka, maka harta tersebut menjadi harta syarikat al-milk antara mereka berdua tanpa memerlukan akad atau kontrak.¹⁴ Namun begitu, ia tetap berbeza dengan harta sepencarian yang tidak mewajibkan usaha atau milikan bersama pada peringkat awalnya.

7 Seksyen 122 (1)(2)(3) dan (4), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003.

8 Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd. Hashim, 2008. Isu-isu Syariah di Malaysia Siri 1, hlm. 81.

9 Lihat Seksyen 122 (5) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003.

10 Wan Mahatan Iwn Haji Abdul Samat, E.N. Taylor, Malay Family Law [1937] JMBRAS 28, lihat juga, Rahmah Iwn Laton [1981 – 1983] 2 JH 213, terjemahan daripada [1927] 6 FMSLR 128.

11 Untuk keterangan lebih lanjut, lihat, Siti Zalikha Md. Nor, 1996. Pemilikan Harta dalam Perkahwinan, hlm. 20 – 22, dan H. Ismuha, 1978. Percarian bersama Suami Isteri di Indonesia, hlm. 78 – 79.

12 Sila lihat penjelasan dalam, Miszairi Sitiris, 2008. “Al-Huqq Al-Maliyyah lil Muthollaqah” (Tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), hlm. 207 – 209. Lihat juga, Norliah Ibrahim, 2007. “Masalah Tuntutan Harta Sepencarian”, dlm. Najibah Mohd. Zin et al., Undang-undang Keluarga (Islam). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 223 – 224.

a

b

c

d

e

f

g

h

- a Terdapat juga dalam kes-kes mahkamah terdahulu yang cuba menyamakan harta sepencarian sebagai harta musya' iaitu harta yang telah bercampur dan tidak dapat dikenal pasti milik siapa.¹⁵ Namun begitu, harta sepencarian berbeza dengan harta musya' kerana dalam harta musya' setiap pemilik diyakini memiliki hak terhadap harta tersebut, hanya mereka tidak dapat membawakan bukti. Sedangkan dalam harta sepencarian tidak seharusnya begitu. Suatu harta itu mungkin pada asalnya milik isteri, seperti tanah. Namun begitu, sekiranya ia berkembang dengan usaha suami, ia boleh dianggap sebagai harta sepencarian.

Ada juga kes-kes mahkamah yang mengaitkan harta sepencarian dengan bayaran khidmat yang diberikan oleh isteri dalam menguruskan rumah tangga seperti dalam kes Semek binti Mamat Iwn Siti Zubaidah binti Yasim.¹⁶ Penilaian harta yang berhak dituntut oleh isteri dinilai bergantung pada tempoh sesuatu perkahwinan sebagai suatu khidmat kepada suami yang perlu dibayar. Hal ini merupakan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Kedah 1979.¹⁷ Adalah tidak wajar menganggap harta sepencarian sebagai bayaran terhadap khidmat yang dilakukan oleh isteri. Hal ini kerana ulama telah sepakat bahawa isteri tidak berhak untuk mendapat upah di atas khidmat yang dilakukan sebagai suri rumah. Walaupun terdapat ulama yang membenarkan isteri mendapat upah tetapi ia berbentuk tabarru' dan dengan kerelaan suami. Sedangkan pembahagian harta sepencarian tidak memerlukan kerelaan mana-mana pihak.¹⁸

Adapun amalan pembahagian harta sepencarian antara suami isteri yang diamalkan di negara ini lebih dikaitkan kepada adat. Dalam kes terdahulu, banyak hakim menyatakan secara jelas bahawa amalan pembahagian harta sepencarian antara suami isteri adalah berdasarkan kepada adat masyarakat rumpun Melayu. Antaranya dalam kes Robert @ Kamarulzaman Iwn Umi Kalthum,¹⁹ YA Hakim Raja Azlan Shah mengatakan bahawa harta sepencarian adalah perkara adat Melayu dan dipakai hanya dalam kes melibatkan hubungan suami isteri. Itu juga pendapat yang dibawa oleh Almarhum Prof. Tan Sri Ahmad Ibrahim.²⁰

Pengambilan adat sebagai asas hukum syarak adalah dibenarkan selama ia tidak menyalahi hukum atau prinsip-prinsip syariah. Sehinggakan salah satu daripada lima

13 Siti Zalikha Md. Nor, 1996. Pemilikan Harta dalam Perkahwinan, hlm. 23.

14 Ab. Mumin Ab. Ghani, 1999. Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Malaysia, hlm. 381.

g 15 Kalthom Iwn Nordin [1994] 9 JH 178, dan Rokiah Iwn Mohamed Idris [1988 – 1989] 6 JH 72, dan Jaliah Iwn Abu Bakar [1990 – 1991] 7 JH 72.

16 Semek binti Mamat Iwn Siti Zubaidah binti Yasim [1997] 11 JH 153, hlm. 160, lihat juga, Abdullah bin Omar Iwn Esah binti Taib [1997] 11 JH 179, hlm. 183, Awang bin Abdul Rahman Iwn Shamsuddin bin Awang [1997] 11 JH 193, hlm. 201, Serimah Iwn Muhammad Hakimi [2001] 14 JH 47, hlm. 53 – 54.

17 Lihat, Mat Saad Abd. Rahman, 2002. Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan. Shah Alam: Hizbi, hlm. 261 – 262.

h 18 Sila lihat, Miszairi Sitiris, 2008. "Al-Huquq Al-Maliyyah lil Muthollaqah" (Tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), hlm. 212.

kaedah fiqah utama ialah: "al-'adah muhakkamah", iaitu adat boleh diterima sebagai asas atau dasar hukum.²¹ Terdapat juga kaedah berbunyi: "al-ma'ruf 'urfan ka al-mashrut shartan",²² bermaksud suatu perkara yang diterima dari segi 'uruf dianggap umpama syarat yang perlu ditunaikan. Didapati bahawa amalan adat pembahagian harta sepencarian yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam negara ini tidak menyalahi syariah, bahkan ia selari serta mendukung maksud dan prinsip syariah.

Prof. Datuk Paduka Dr. Mahmood Zuhdi berpendirian bahawa pengamalan pembahagian harta sepencarian adalah suatu yang selari dengan prinsip keadilan dalam Islam.²³ Amalan tersebut memberi keadilan kepada suami isteri yang bersama-sama membina kehidupan. Ia juga bertepatan sebagaimana dengan Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa': 32: ﴿وَلِلّٰهِ الْمُكَبِّرُ وَالْمُنَعِّذُ وَالْمُنَاهِدُ وَالْمُنَاهِدُ لِلّٰهِ أَكْبَرُ﴾ yang mafhumnya bermaksud, bagi kaum lelaki mendapat bahagian apa-apa yang mereka usahakan dan bagi kaum perempuan juga mendapat bahagian apa-apa yang mereka usahakan.

Namun begitu, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa seandainya isteri tidak bekerja, hanya sekadar suri rumah, iaitu mengurus rumah tangga, maka harta yang diperoleh oleh suami adalah miliknya, dan bukannya harta sepencarian.²⁴ Hal ini bererti, seandainya si suami meninggal dunia, segala harta akan dianggap sebagai harta pusaka yang wajib dibahagikan mengikut faraid. Khidmat yang diberikan oleh isteri dalam mengurus rumah tangga perlu diambil kira sebagai suatu sumbangan yang dicurahkan secara tidak langsung. Terdapat juga isteri yang berpendidikan tinggi dan tidak bekerja semata-mata untuk memberikan sepenuh tumpuan kepada keluarga bagi memberi peluang kepada suami berkerjaya. Jadi terpulang kepada budi bicara dan kebijaksanaan hakim untuk menilai nilai sumbangan si isteri.

Terdapat kewajaran dan hikmah dalam amalan pembahagian harta sepencarian terhadap isteri, terutama selepas kematian suami, yang pada kebiasaannya akan mendapat bahagian yang sedikit dalam pembahagian harta pusaka atau faraid.²⁵ Umpamanya, dalam keadaan tertentu saudara perempuan seibu sebagai suami mendapat bahagian

19 Robert @ Kamarulzaman lwn Umi Kalthum [1981] 2 JH 82. Lihat juga, Boto' binti Taha lwn Jaafar Muhammad [1985] 2 JH 61. Lihat, Norliah Ibrahim. 2007. "Masalah Tuntutan Harta Sepencarian", dlm. Najibah Mohd. Zin et al., Undang-undang Keluarga (Islam), hlm. 223 – 224.

20 Ahmad Ibrahim, 2001. Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, hlm. 212.

21 Al-Suyuti, 1998. Al-Ashbah wa Al-Naza'ir. Birut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jilid 1, hlm. 193, dan Ibn Nujaim, 1998. Al-Ashbah wa Al-Naza'ir. Birut: al-Maktabah al-'Asriyyah, hlm. 115, dan Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah, maddah: 36.

22 Al-Suyuti, 1998. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*, jilid 1, hlm. 213, dan Ibn Nujaim, 1998. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*, hlm. 122, dan Majallah Al-Ahkam Al-'Adliyyah, maddah: 43.

23 Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azhari, 1989. Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia. Kuala Lumpur: Karya Abazie, hlm. 215 – 216, lihat juga, Kamisah Sain, 1994. “Tuntutan-tuntutan Hak Selepas Pembubaran Perkahwinan” (DAIJ, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), hlm. 82 – 84, dan Mat Saad Abd. Rahman, 2002. Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan, hlm. 258.

- a) lebih banyak daripada isteri.²⁶ Sedangkan isteri pada kebiasaannya telah lama berkongsi hidup mengharungi suka dan duka bersama si mati.

Mungkin akan ada orang berkata: Itulah ketentuan Allah SWT yang perlu diikuti. Ia menjadi bukti bahawa hubungan adik-beradik adalah hubungan darah yang kuat dan rapat. Itulah yang dikehendaki oleh Islam dalam membentuk perhubungan kekeluargaan

b) dengan memberikan hak yang sepatutnya kepada adik-beradik. Benarlah firman Allah SWT dalam surah al-Nisa':11 ﴿لَا يَنْهَا اللَّهُ عَزَّ ذِي جَلَالٍ عَمَّا مَأْتَاهُ إِذَا أَنْهَى إِلَيْهِ الْمُؤْمِنَاتُ مَا حَلَّ لَهُنَّا كَذَلِكَ مَا يَرَوْنَاهُ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يَصْنَعُونَ﴾ yang mengatakan bahawa kita tidak mengetahui siapa yang lebih memberi manfaat atau baik kepada kita. Hanya Allah yang Maha Mengetahui.

Menjawab kata-kata tersebut, sememangnya itulah yang dikehendaki oleh Islam. Namun, tuntutan harta sepencarian ini tidak menafikan hak waris-waris yang lain. Ia hanya memberikan hak dan keadilan kepada pasangan suami isteri yang telah hidup serta berusaha bersama-sama mencari penghidupan dan mengumpulkan harta.

c) Kesimpulannya, amalan pembahagian harta sepencarian antara suami isteri tidak bercanggah dengan hukum syarak, bahkan selari serta mendukung prinsip keadilan dalam Islam.

d) **TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN DI DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

e) Peruntukan hak harta sepencarian bagi pasangan suami isteri terdapat di dalam setiap Enakmen atau Akta Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri di Malaysia. Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003, Seksyen 122, kuasa mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian, menyatakan secara jelas bahawa:

[1] Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafadz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperoleh oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperoleh oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama

24 Mat Saad Abd. Rahman, 2002. Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan, hlm. 261 – 262.

²⁵ Lihat Md. Ghazali Ibrahim, 2009. *Urus Harta sebelum Mati*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd., hlm. 49 – 51.

26 Bahagian isteri satu per empat atau satu per lapan, sedangkan saudara lelaki seibu sebagai mendapat asobah. Begitu juga bahagian saudara perempuan seibu sebagai yang mendapat bahagian sama ada satu per dua, dua per tiga, asobah bi al-ghair atau asobah ma' al-ghair. Sebagai ilustrasi, seandainya si suami mati meninggalkan seorang isteri, seorang anak perempuan dan seorang saudara perempuan seibu sebaik. Isteri akan mendapat satu per lapan, anak perempuan satu per dua (empat per lapan), manakala saudara perempuan mendapat baki iaitu tiga per lapan. Lihat, Mohd. Zamro Mudan dan Mohd. Ridzuan Awang, 2006. Undang-Undang Pusaka Islam: Perlaksanaannya di Malaysia. Bangi: Jabatan Syariah, UKM, hlm. 41, Ahmad Adnan Fadhil, 2006. Asas-asas Memahami Ilmu Faraid. Kedah: Pustaka Darussalam, hlm. 38 – 39, Salleh Ismail Yusuf Al-Muti'e, Teknik Penyelesaian Pusaka. Selangor: Pustaka Hajji Abdul Majid, hlm. 18 – 19.

h

- mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu. a
- (2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Subseksyen (1), mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang: b
- (a) Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu;
 - (b) Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;
 - (c) Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.
- (3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafadz talak atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu. c
- (4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Subseksyen (3), mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada: d
- (a) Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga.
 - (b) Keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi walau bagaimana pun, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar. e
- (5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.]²⁷ f

Namun begitu, peruntukkan secara khusus tuntutan harta sepencarian selepas kematian tidak termaktub secara jelas dalam mana-mana Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Sebaliknya ia terkandung dalam Amalan Arahan No. 5 Tahun 2003 JKSM yang menyatakan bahawa masa tuntutan harta sepencarian ini boleh dibuat sama ada semasa tuntutan penceraian, selepas penceraian atau selepas kematian.²⁸ g

Bagi menguatkan lagi kedudukan tuntutan harta sepencarian selepas kematian, terdapat beberapa buah negeri yang telah mengeluarkan fatwa keharusan membuat tuntutan tersebut selepas kematian salah seorang pasangan. Antaranya fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bertarikh 18 April 2005²⁹ h

- a yang berbunyi:
 1. Harta sepencarian selepas kematian salah satu pihak dalam perkahwinan di negeri Selangor boleh dibahagikan kepada suami dan isteri sebelum difaraidkan, termasuk selepas dilepaskan tanggungan si mati.
 2. Pembahagian harta sepencarian tersebut hendaklah diberikan mengikut takat sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dari kedua-dua belah pihak.
 3. Persetujuan pembahagian hendaklah dibuat melalui perintah mahkamah.

Bagi menjamin harta dituntut yang tidak dilupuskan atau diubah, tuntutan injunksi

- c secara ex-parte boleh dibuat secara berasingan. Peruntukan ini dinyatakan dalam Seksyen 108 Perintah Tegahan melupuskan harta sepencarian, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003.³⁰ Sebagai contoh, kes Aisny Iwn Fahro Razi bin Mohdi,³¹ plaintiff telah dibenarkan untuk mengkaveat tanah yang didaftarkan atas nama suaminya.

- d Secara mantiknya, harta sepencarian adalah suatu hak yang thabit kepada suami dan isteri semasa mereka masih hidup lagi. Seandainya ia boleh dibahagikan akibat berlaku penceraian atau kerana suami ingin berpoligami, maka pembahagian selepas kematian adalah suatu yang rasional.

Hak untuk menuntut harta sepencarian selepas kematian

- e Secara pasti, dapat dikatakan bahawa, orang yang berhak menuntut harta sepencarian selepas kematian adalah suami atau isteri si mati kerana ia adalah hak mereka berdua. Dalam kebanyakan kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian yang dilaporkan, penuntut/plaintif adalah isteri kepada si mati seperti dalam kes Bunga binti Ibrahim Iwn Ilia @ Zila binti Abdullah dan Lain-lain.³²

- f Walau bagaimanapun, ini tidak menghalang waris kepada isteri yang telah membuat tuntutan harta sepencarian selepas kematian suaminya tetapi meninggal sebelum kes dapat dibicarakan untuk meneruskan tuntutan tersebut. Umpamanya dalam kes Wan Chik bin Wan Abdul Kadir Iwn Esah Zakarian dan 5 YL,³³ plaintiff merupakan anak lelaki kepada kedua-dua si mati iaitu Almarhum Wan Abdul Kadir dan Almarhumah Jeriah. Tuntutan dibuat ekoran tuntutan yang dibuat oleh Jeriah, isteri kedua Wan Abdul Kadir, yang telah meninggal dunia sebelum kes dapat dibicarakan. Mahkamah meluluskan tuntutan dengan memberikan hak satu per tiga dari harta alih dan harta tidak alih sebagai harta sepencarian Jeriah.

27 Seksyen 122, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003.

28 Amalan Arahan No. 5 Tahun 2003 JKSM, 29 September 2003.

29 Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, 18 April 2005.

30 Seksyen 108, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003.

h 31 Aisny Iwn Fahro Razi bin Mohdi [1990] 7 JH 216.

Persoalan timbul, adakah waris isteri tadi boleh membuat tuntutan harta sepencarian sekiranya tiada tuntutan dibuat oleh isteri sebelum dia meninggal dunia? Perkara ini mungkin berlaku apabila suami berpoligami. Terdapat dua situasi: Pertama: Suami meninggal dunia. Kemudian, salah seorang dari isterinya turut meninggal dunia dengan tidak membuat apa-apa tuntutan harta sepencarian. Kedua: Salah seorang isteri meninggal dunia, sedangkan suami masih hidup. Adakah waris isteri yang telah meninggal dunia seperti anak, ibu dan bapa boleh menuntut harta sepencarian bagi pihaknya?

Daripada temu bual yang dilakukan dengan beberapa pegawai mahkamah syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, mereka berpendapat bahawa harta sepencarian merupakan hak eksklusif antara suami dan isteri. Hal ini jelas daripada takrif harta sepencarian yang berkaitan dengannya dalam enakmen yang membawa pengertian bahawa ia merupakan harta yang diperoleh bersama-sama suami isteri, sama ada secara langsung atau tidak secara langsung. Dari itu, hanya suami atau isteri yang berhak menuntut dan mendapat harta sepencarian.³⁴

Barangkali itulah pendirian mahkamah di dalam kes Tuan Awang Tuan Mamat & Others lwn Tuan Alam bin Tuan Ahmad @ Other,³⁵ plaintif merupakan anak kepada kedua-dua si mati Almarhum Tuan Mamat dan Almarhumah Tuan Sonik. Manakala pihak defendant merupakan keluarga isteri kedua Tuan Mamat. Pihak mahkamah telah menolak tuntutan plaintif dengan alasan kedua-dua ibu bapa mereka telah lama meninggal dunia iaitu lebih 50 tahun. Namun pihak mahkamah tidak manafikan hak waris untuk menuntut harta sepencarian bagi pihak si mati.

Begitu juga dalam kes Awang bin Abdul Rahman lwn Shamsuddin bin Awang,³⁶ plaintif adalah anak kepada Almarhumah Nik bt. Abdul Rahman yang merupakan bekas isteri pertama Almarhum Abdul Rahman, yang mana dia merupakan anak tiri kepada Almarhum Abdul Rahman. Manakala defendant ialah anak-anak kandung Almarhum Abdul Rahman. Mahkamah telah menolak permohonan tersebut dengan jelas mengatakan bahawa yang layak menuntut harta sepencarian di dalam harta berkenaan ialah ibu pihak menuntut, Nik bt. Abdul Rahman. Oleh kerana ibu pihak menuntut tidak membuat tuntutan ke atas tanah yang didakwa sebagai harta sepencarian, pihak menuntut tidak berkelayakan berbuat demikian. Boleh jadi ibu pihak menuntut, telah reda. Jika tidak sudah tentu dia meminta supaya tanah itu didaftarkan di atas nama mereka berdua. Terdapat juga keterangan yang menunjukkan bahawa tanah tersebut didaftarkan atas nama Abdul Rahman atas permintaan ibu penuntut sendiri.

Walau bagaimanapun, waris-waris suami atau isteri seperti anak, ibu dan bapa

³² Bunga binti Ibrahim lwn Ila @ Zila binti Abdullah dan Lain-lain [1994] 9 JH 198, lihat kes yang sama Hajjah Saudah lwn Hanafi [1991] 8 JH 66, Semek binti Mamat lwn Siti Zubaidah binti Yasim [1997] 11 JH 153, Habsah binti Saad lwn Surianata Baharom & Saari Samad [2004] 17 JH 83, Hajah Lijah bte Jamal lwn Fatimah bte Mat Diah [1981 – 1982] 5 JH 84.

³³ Wan Chik bin Wan Kadi lwn Esa Zakarian dan 5 YL [2006] 22 JH 237.

- a kepada si mati boleh menuntut harta sepencarian jika pihak-pihak dalam perkahwinan itu yang masih hidup tidak mengemukakan sebarang tuntutan. Umpamanya apabila suami mempunyai dua orang isteri dan salah seorang isteri meninggal dunia, maka anak-anak kepada isteri yang telah meninggal dunia boleh menuntut harta sepencarian bagi pihak Almarhumah ibunya.³⁷ Apabila harta sepencarian ada asasnya dari segi syarak, maka hak itu boleh dituntut oleh waris-waris kerana hak itu akan berpindah kepada waris sekiranya yang empunya hak itu meninggal dunia.³⁸

Jika diteliti dari kes Hajjah Saudah lwn Hanafi Hj. Daud & Lain-lain,³⁹ plaintif yang merupakan isteri kepada si mati telah menuntut harta sepencarian terhadap empat lot tanah yang didaftarkan atas nama si mati. Defendan pula ialah anak-anak si mati dari isterinya yang kedua (anak tiri plaintif). Defendan di dalam tuntutan balas mereka menuntut enam lot tanah lain yang didaftarkan di atas nama plaintif sebagai harta sepencarian bagi pihak Almarhum bapa mereka. Pihak mahkamah telah memutuskan bahawa empat lot tanah itu adalah harta sepencarian kerana telah dipindah milik di atas nama si mati di dalam tempoh perkahwinan. Begitu juga, enam lot tanah yang didaftarkan atas nama plaintif telah dibeli dan dipindah milik semasa si mati masih hidup. Maka, ia turut dianggap sebagai harta sepencarian. Plaintiff telah membuat rayuan terhadap keputusan mahkamah tinggi yang memutuskan bahawa enam lot tanah yang didaftarkan atas namanya ialah harta sepencarian. Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan telah memberi pilihan kepada perayu (plaintif) untuk bersumpah syarie yang enam lot tanah itu adalah miliknya sendiri. Setelah perayu bersumpah syarie, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa enam lot tanah tersebut bukanlah harta sepencarian dan ia adalah milik perayu persendirian. Ini membawa pengertian bahawa seandainya perayu enggan bersumpah, tuntutan harta sepencarian oleh waris bagi pihak bapanya boleh diterima sekiranya mereka melakukan rad al-yamin.

Dalam kes Bukhary Mohd Noor lwn Aisyah Ismail⁴⁰ pula, plaintif merupakan anak kandung kepada defendant. Semasa hidupnya Almarhum bapa plaintif telah menamakan kesemua hartanya (tujuh lot tanah) kepada defendant sebagai syarat kepadanya untuk berkahwin lagi. Defendant dalam tuntutan balasnya menuntut plaintif membayar balik wang pampasan pengambilan semula tanah sebanyak RM757 000 yang telah membuat perjanjian bertulis dan akuan bersumpah untuk tidak menuntut sebarang harta daripada defendant setelah mendapat wang pampasan tersebut. Mahkamah telah mengetepikan tuntutan plaintif berdasarkan ikrar yang telah dibuat dan tuntutan defendant telah ditarik balik. Plaintiff/perayu telah membuat rayuan dan Mahkamah Rayuan Syariah

^g 34 Abu Bakar Ahmad, Harta Sepencarian [2004] 18 JH 13.

35 Tuan Awang Tuan Mamat & Others lwn Tuan Alam bin Tuan Ahmad & Other, [2006] 22 JH 207.

36 Awang bin Abdul Rahman lwn Shamsuddin bin Awang [1997] 11 JH 193. Lihat kes lain yang memberi keputusan yang sama, Tuan Hj. Mustapha Kamal lwn Ab. Kadir [1993] 2 AMR 44:3215.

37 Ibrahim Lembut, 2007. "Kaedah dan Keseragaman Pembahagian Harta Sepencarian dalam Harta Pusaka", dlm. Konvensyen Perwarisan Harta Islam 2007, hlm. 17.

38 Ibid., hlm. 21.

39 Hajjah Saudah lwn Hanafi Hj. Daud & Lain-lain [1991] 8 JH 66.

Negeri Kelantan telah membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang menolak tuntutan harta sepencarian oleh perayu, serta memutuskan bahawa perayu boleh memohon dan menuntut harta sepencarian Almarhum bapanya berupa tujuh lot tanah. Mahkamah telah memerintahkan responden bersumpah menafikan bahawa tiada sebarang amanah yang ditinggalkan oleh si mati untuk membahagikan harta tersebut kepada anak-anaknya. Defendan telah bersumpah nafi dan dengan itu mahkamah menolak tuntutan perayu.

Terdapat satu kes yang sedang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka, Abdul Haziq Rafiq bin Abdul Rasyid lwn Abdul Rasyid bin Majid,⁴¹ plaintif merupakan waris/anak si isteri yang telah meninggal dunia. Defendannya pula adalah suami kepada si isteri, iaitu ayah kandung plaintif sendiri. Setelah beristeri baharu, si ayah telah mengabaikan kebaikan anak-anaknya dan ingin membolot semua harta Almarhumah isteri. Jadi, anak-anak telah menuntut harta sepencarian bagi pihak Almarhum ibu mereka. Kita masih menantikan apakah keputusan yang akan diberikan oleh pihak mahkamah. Apa yang kita harapkan ialah kebenaran dan keadilan.

Dari tiga kes di atas, berasaskan pandangan bahawa hak terhadap harta sepencarian adalah hak yang sememangnya thabit dalam dhimmah atau diri, sama ada si suami atau si isteri, yang boleh dituntut sama ada kerana penceraian atau suami ingin berpoligami, maka waris si mati juga berhak menuntut harta sepencarian bagi pihak si mati. Melainkan sekiranya terdapat keterangan yang menunjukkan telah berlaku hibah atau melepaskan hak terhadap harta (tanazul) oleh mana-mana pihak. Yang menjadi persoalan mungkin bagaimana waris si mati dapat membuktikan dan memuaskan hati mahkamah bahawa harta tersebut diperoleh semasa tempoh perkahwinan dan si mati ada memberi sumbangan sama ada secara langsung atau tidak secara langsung.

Dicadangkan agar satu kajian atau perbincangan yang lebih mendalam mengenai siapa yang berhak menuntut harta sepencarian selepas kematian dibuat, agar satu ketetapan yang jelas dan tepat dapat diberikan sama ada dalam enakmen undang-undang atau Arahan Amalan Mahkamah Syariah agar tidak timbul keraguan dalam kalangan pengamal undang-undang.

PROSEDUR TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN SELEPAS KEMATIAN⁴²

Tuntutan harta sepencarian selepas kematian hanya boleh dituntut di Mahkamah Tinggi Syariah berdasarkan Amalan Arahan No. Dua Tahun 2002 JKSM, yang mana sebelum itu bidang kuasa mahkamah bergantung kepada nilai yang ingin dituntut.⁴³ Di negeri Selangor, seandainya nilai tuntutan melebihi RM100 000, ia hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah, dan sekiranya kurang dari nilai tersebut, ia hendaklah dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah.⁴⁴ Namun begitu, kini semua kes tuntutan harta sepencarian di Selangor adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah

40 Bukhary Mohd. Noor lwn Aisyah Ismail [2004] 18 JH 245.

41 Kes Mal Bil. 04100-017-0197 2007.

a Tinggi Syariah.⁴⁵

Dalam kes penceraian, tuntutan harta sepencarian hanya boleh dibuat di mana penceraian itu telah didaftarkan berdasarkan Arahan Amalan No. Enam Tahun 2003 JKSM.⁴⁶ Bagi tuntutan selepas kematian pula, ia hendaklah dibuat di Mahkamah di mana pihak penuntut itu tinggal.

b Pada kebiasaannya, tuntutan harta sepencarian selepas kematian ini dituntut oleh pasangan yang hidup, sama ada suami atau isteri. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dijelaskan terdahulu, ia tidak menghalang waris pasangan yang telah meninggal dunia terutamanya anak untuk menuntut harta sepencarian bagi pihak si mati.

Tuntutan harta sepencarian selepas kematian tidak terhad kepada pasangan yang hubungan perkahwinan mereka masih ada semasa kematian, tetapi ia boleh juga dituntut oleh bekas isteri si mati seperti dalam kes Hajjah Saudah lwn Hanafi

c Hj. Daud & Lain-lain⁴⁷ tadi. Begitu juga di dalam kes Hasnah Juhari lwn Ramah @ Rahmah Alias (tidak dilaporkan),⁴⁸ perayu merupakan bekas isteri kepada si mati yang meninggal pada tahun 1997. Si mati telah berkahwin dengan perayu pada tahun 1956 dan menceraikannya pada 1966. Pada tahun 1963, mereka telah menyertai tanah rancangan Felda LB Johnson. Pada tahun 1996, tanah rancangan tersebut telah dijual dengan nilai RM1.4 juta. Responden merupakan isteri kedua si mati yang dikahwininya pada tahun 1996. Pada 21 Disember 1999, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan telah memutuskan bahawa tanah tersebut adalah harta sepencarian dan diperintahkan hasil jualan tanah tersebut untuk dibahagi sama rata antara si mati dan perayu.

Tuntutan harta sepencarian selepas kematian akan ditujukan kepada waris-waris yang berhak terhadap harta pusaka si mati seperti anak, bapa ataupun ibu mertua.⁴⁹

e Penuntut perlu mengisi borang khas penyata tuntutan harta sepencarian – cerai mati dan borang saman (Borang MS 2), berdasarkan Seksyen 8 (a) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.⁵⁰ Ia perlu diisi dengan lengkap terutamanya mengenai harta yang dituntut bersama dokumen yang tersenarai dalam borang. Bayaran pendaftaran yang dikenakan adalah sebanyak RM50.⁵¹

Selepas penuntut membuat pendaftaran, pihak mahkamah akan menghantar saman

f

42 Temu ramah bersama Masroha binti Duki, Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, pada 19 Jun 2009, 10.30 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.

43 Sebelum 10 Jun 1988, iaitu sebelum pindaan dibuat dalam Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Tinggi Sivil mempunyai bidang kuasa terhadap tuntutan harta sepencarian. Namun, selepas dari pindaan tersebut Mahkamah Tinggi Sivil dan mana-mana mahkamah di bawahnya tidak mempunyai bidang kuasa dalam mana-mana perkara yang jatuh dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Peruntukan ini memang jelas, tetapi dari segi perlaksanaannya, Mahkamah Sivil masih boleh campur tangan dan mencabar keputusan atau perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah. Umpamanya, Mahkamah Sivil boleh menghalang perintah Mahkamah Syariah berkaitan harta sepencarian yang melibatkan kematian orang yang masuk Islam, jika dituntut oleh keluarga si mati yang tidak memeluk Islam.

44 Norliah Ibrahim, 2007. "Masalah Tuntutan Harta Sepencarian", dlm. Najibah Mohd. Zin et al., Undang-Undang Keluarga (Islam), hlm. 234.

h

kepada waris yang kena tuntut untuk menghadiri majlis suluhan selewat-lewatnya dalam masa 21 hari berdasarkan Arahan Amalan No. Dua Tahun 2001 JKSM.⁵² Seandainya pihak yang kena tuntut bersetuju dengan tuntutan tersebut, segala butiran lengkap persetujuan akan diambil dan diserahkan kepada hakim atau mahkamah untuk disahkan.

Seandainya pihak kena tuntut enggan mengikuti majlis suluhan atau majlis suluhan tidak dapat membuat sebarang persetujuan (maksimum perjumpaan adalah sebanyak tiga kali), perkara tersebut akan dibicarakan di hadapan hakim. Pihak mahkamah akan memberikan suatu tarikh sebutan kes. Secara umumnya, pada sebutan kes pertama, semua pihak akan dipanggil untuk mendengar tuntutan yang dibuat oleh pihak yang menuntut. Kemudian mahkamah akan memberikan suatu tarikh lain untuk perbicaraan.

Dalam perbicaraan, segala keterangan pihak-pihak bersama-sama saksi masing-masing akan diambil. Tempoh serta bilangan perbicaraan bergantung kepada kerumitan sesuatu kes. Apabila perbicaraan selesai, sesi penghujahan oleh semua pihak akan dibuat sama ada secara lisan atau bertulis. Selesai sesi penghujahan, mahkamah akan menetapkan suatu tarikh penghakiman. Dalam sesi penghakiman, hakim akan memberikan keputusan perbicaraan berserta penghujahan beliau terhadap keputusan yang dibuat. Kemudian, mahkamah akan mengeluarkan surat perintah terhadap keputusan yang telah dibuat.

Setelah keputusan dibuat, jika pihak yang kena tuntut tidak berpuasa hati dengan keputusan yang diberikan, beliau mempunyai tempoh 14 hari untuk membuat rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah.⁵³

Sebagai ilustrasi bagaimana perjalanan tuntutan dibuat, berikut adalah carta aliran tuntutan harta sepencarian selepas kematian:

KAEDAH PEMBUKTIAN HARTA SEPENCARIAN SELEPAS KEMATIAN:⁵⁵

Kaedah pembuktian dalam tuntutan harta sepencarian selepas kematian adalah sama dengan harta sepencarian yang lain. Tuntutan harta sepencarian merupakan tuntutan Mal yang memerlukan keterangan pada tahap zhan al-ghalib. Sebarang keterangan

45 Lihat Seksyen 62 (2) (b), Enakmen Pentadbiran Islam Selangor, No. 2, 2003, yang mana bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah untuk membicarakan kes harta sepencarian telah dikecualikan.

46 Lihat, Arahan Amalan No. 6 Tahun 2003 JKSM, 29 September 2003. Lihat juga Seksyen 122 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor. Lihat kes Noh bin Atan Iwn Shakila bte Mohamed [1998] 6 MLJ 631. Kamar Ainiyah Kamaruzaman, 2009. "Pemakaian Hukum Harta Sepencarian dalam Mahkamah", dlm. Akmal Hidayat Abd. Halim et al., Undang-undang Harta dan Amanah. Kuala Lumpur: Pusat Undang-undang M. Hashim, hlm. 28.

47 Hajjah Saudah Iwn Hanafi Hj. Daud & Lain-lain [1991] 8 JH 66, lihat juga Bunga binti Ibrahim Iwn Ilia @ Zila binti Abdullah dan Lain-lain [1994] 9 JH 198.

48 Ibrahim Lembut, 2007. "Kaedah dan Keseragaman Pembahagian Harta Sepencarian dalam Harta Pusaka", dlm. Konvensyen Perwarisan Harta Islam 2007, hlm. 17.

49 Seandainya tiada waris lain, tuntutan mungkin akan ditujukan kepada Baitulmal kerana ia merupakan waris terakhir. Namun begitu, setakat ini tidak dijumpai sebarang kes berkaitan.

a

b

c

d

e

f

g

h

- a atau kaedah pembuktian antaranya keterangan pihak saksi dan juga qarinah seperti geran tanah, resit pembayaran dan lain-lain dokumen boleh dikemukakan.⁵⁶
Beban pembuktian dikenakan kepada plaintiff sebagai penuntut berdasarkan hadis dan kaedah: “al-baiyyinah ‘ala mudda’l wa al-yamin ‘ala man ankara”, bermaksud keterangan bagi yang mendakwa dan sumpah bagi yang ingkar (kena dakwa), dan kerana plaintiff telah menyalahi perkara yang zahir atau asal, berdasarkan kaedah: “al-baiyyinah li ithbat khilaf al-zahir wa al-yamin li abqa’ al-asl”, bermaksud keterangan bertujuan untuk mensabitkan sesuatu yang bertentangan dengan zahir (jelas) dan sumpah untuk mengekalkan yang asal. Pada zahirnya atau pada asalnya harta yang ditinggalkan oleh si mati adalah dianggap sebagai harta pusaka. Seandainya ada dakwaan harta tersebut sebagai harta sepencarian, orang yang mendakwa perlu mendatangkan bukti.⁵⁷
- b Seandainya bukti keterangan pihak plaintiff tidak kukuh kaedah sumpah syarie boleh digunakan, iaitu dengan memerintahkan defendant untuk bersumpah. Jika defendant bersumpah, maka tuntutan plaintiff hendaklah ditolak. Walau bagaimanapun sekiranya defendant enggan atau ingkar untuk bersumpah syar’ie (nukul ‘an al-yamin), ia tidak secara automatik mensabitkan tuntutan plaintiff. Sebaliknya plaintiff hendaklah diperintahkan untuk bersumpah syarie (rad al-yamin). Jika plaintiff bersumpah, maka tuntutan hendaklah dibenarkan, tetapi jika plaintiff ingkar, maka tuntutan hendaklah ditolak.⁵⁸ Namun begitu, sumpah syarie hanya boleh dilakukan setelah tempoh rayuan tamat, dan sekiranya ada rayuan, ia hendaklah ditangguhkan sehingga selesai tempoh rayuan.⁵⁹
- c
- d
- e

Bagi maksud pembuktian, pihak penuntut perlu mendatangkan sekutu mungkin keterangan bagi membuktikan dua perkara yang boleh mensabitkan bahawa harta yang dituntut itu adalah harta sepencarian antara pihak penuntut dengan pasangannya (si mati), iaitu:

Pertama: Pihak penuntut perlu membuktikan bahawa harta tersebut diperoleh atau berkembang dalam tempoh perkahwinan. Perkara ini boleh dibuktikan dengan melihat kepada tarikh yang tercatat dalam dokumen berkaitan atau resit pembayaran. Harta tersebut perlu dibuktikan terhasil atau diperoleh selepas daripada tarikh perkahwinan dan sebelum tarikh kematian pasangan. Kegagalan plaintiff membuktikan harta tersebut membuktikan harta tersebut adalah harta yang dihasilkan dalam tempoh perkahwinan

g _____

50 Seksyen 8 (a), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

51 Bagi Wilayah Persekutuan yuran pendaftaran adalah RM9, dan Kedah RM13. Bayaran ini tidak termasuk bayaran penyampaian saman RM4, permohonan interlokutor RM23, perintah interlokutor RM20 dan notis perakuan segera RM4, yang semuanya berjumlah RM101.

52 Arahan Amalan No. dua Tahun 2001 JKSM, 2 Januari 2001.

53 [http://www.esyariah.gov.my/portal/page?_pageid=185,78828&_dad=portal2&_schema=PORTAL2,\(atas talian\),15 Jun 2009.](http://www.esyariah.gov.my/portal/page?_pageid=185,78828&_dad=portal2&_schema=PORTAL2,(atas talian),15 Jun 2009.)

h

Carta Aliran Tuntutan Harta Sepencarian Selepas Kematian⁵⁴


a

Pada masa yang sama boleh membuat permohonan injunksi terhadap harta yang dituntut secara berasingan.

Permohonan dan Pendaftaran:

- Mengisi borang Tuntutan Harta Sepencarian.
- Saman kepada yang kena tuntut.
- Penetapan tarikh perjumpaan sulh dalam tempoh 21 hari.

b



c

akan menyebabkan tuntutan ditolak.⁶⁰

f

Walaupun suatu dokumen harta seperti tanah, rumah atau kereta didaftarkan atas nama salah seorang pasangan suami atau isteri, ia tidak menghalang pasangan yang lagi satu menuntutnya sebagai harta sepencarian. Ia merupakan suatu peruntukan istimewa yang hanya diberikan kepada tuntutan harta sepencarian.⁶¹

Namun begitu, kejayaan membuktikan harta itu terhasil dalam tempoh perkahwinan belum cukup mensabitkan ia harta sepencarian sekiranya pihak penuntut tidak dapat membuktikan sumbangan beliau secara langsung atau tidak secara langsung terhadap

g

54 Mohd. Radzuan Ibrahim, 2006. Munakahat: Undang-undang dan Prosedur, hlm. 335.

55 Temu ramah bersama Noraini binti Mohd. Ali, Pegawai Penyelidik, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, pada 19 Jun 2009, 11.30 pagi di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Juga temu ramah bersama Zuhairul bin Abdul Rahman, Penolong Pegawai Syariah, JKSM, Putrajaya, pada 13 Jun 2009, 11.00 pagi.

h

56 Ibrahim Lembut, 2007. "Kaedah dan Keseragaman Pembahagian Harta Sepencarian dalam Harta Pusaka", dlm. Konvensyen Perwarisan Harta Islam 2007, hlm. 34 – 35.

- a penghasilan harta tersebut.

Kedua: Pihak penuntut perlu membuktikan bahawa beliau ada memberikan sumbangan sama ada secara langsung atau tidak secara langsung. Tahap sumbangan inilah yang akan menentukan berapakah bahagian yang berhak diperoleh oleh penuntut.

- b Sumbangan secara langsung bermaksud sumbangan secara langsung dalam penghasilan harta yang dituntut seperti sumbangan wang untuk membeli dan sumbangan tenaga kerja atas tanah atau syarikat. Sumbangan secara tidak langsung pula bermaksud sebarang sumbangan yang diberikan oleh isteri dalam keluarga bagi mengurangkan beban suami. Ia meliputi sumbangan wang, harta benda, sokongan moral, tenaga dan sebagainya. Seandainya pihak penuntut gagal membuktikan adanya sumbangan baik secara langsung atau tidak secara langsung, maka besar kemungkinan tuntutan tersebut akan ditolak.
- c Tuntutan akan menjadi mudah sekiranya mendapat persetujuan daripada pihak yang kena tuntut (sulh). Seandainya ada persetujuan daripada pihak-pihak terhadap jumlah dan kaedah pembahagian harta sepencarian, maka harta tersebut hendaklah dibahagikan sebagaimana yang dipersetujui sebagaimana yang berlaku dalam kes Semek binti Mamat lwn Siti Zubaidah binti Yasim.⁶²
- d Tuntutan juga boleh menjadi mudah seandainya terdapat surat akuan atau persetujuan terhadap harta sepencarian yang mana boleh dibuat secara rasmi di hadapan mana-mana pesuruhjaya sumpah. Surat akuan ini boleh dijadikan keterangan yang kuat bagi mensabitkan harta sepencarian. Perkara inilah yang cuba dibawa oleh beberapa syarikat perancangan harta antaranya syarikat As-Salihin Trustee Berhad,⁶³ Wasiyyahshoppe Sdn. Bhd.,⁶⁴ dan Warisan Mukmin Sdn. Bhd.⁶⁵ yang merupakan agen korporat kepada Amanah Raya Berhad. Dari itu, ada kemaslahatan dan keperluannya bagi pasangan untuk membuat akuan atau deklarasi harta sepencarian ini bagi memudahkan tuntutan.
- e f Sebagai tambahan, tiada sebarang sebab yang boleh menghalang isteri daripada mendapatkan hak harta sepencarian semasa hidup si suami atau selepas kematianinya. Walaupun, si isteri telah disabitkan nusyuz atau perceraian itu melalui tebus talak (khuluq) haknya terhadap harta tersebut tetap kekal.⁶⁶

KAEDAH PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN SELEPAS KEMATIAN

Kaedah pembahagian harta sepencarian selepas kematian adalah sama dengan pembahagian harta sepencarian akibat perceraian. Pembahagian adalah bergantung kepada tahap sumbangan yang diberikan oleh pihak-pihak sebagaimana yang terdapat

g 57 Lihat Mahmud Saedon A. Othman, 2003. Undang-undang Keterangan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 37.

58 Ibid, hlm. 133 – 134.

59 Lihat kes Mat Sharie Yaakub lwn Che Mas Abdullah [2005] 21 JH 109.

h 60 Lihat kes Hawa Embong lwn Ahmad Muda [2004] 17 JH 199, juga Abdullah bin Omar lwn Esah bin Taib [1997] 11 JH 179.

dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003, Seksyen 122 (1)(2) (3) dan (4) Kuasa Mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian.⁶⁷

Pada prinsipnya, terdapat kecenderungan bagi pihak mahkamah seandainya pihak penuntut ada turut sama memberi deposit atau membayar ansuran pembelian sesuatu harta atau sama-sama mengusahakan suatu harta seperti tanah, maka bolehlah dianggap bahawa penuntut telah memberi sumbangan secara langsung dan berhak mendapat satu perdua. Sebagai contoh, dalam kes Hajjah Saudah Iwn Hanafi Hj. Daud & Lain-lain,⁶⁸ plaintif telah bersama-sama mengusahakan tanah-tanah yang dituntut. Maka, mahkamah memutuskan bahawa plaintif berhak mendapat satu per dua daripada tanah-tanah tersebut.

Walaupun begitu, terdapat juga kes tuntutan harta sepencarian selepas penceraian, walaupun isteri tidak memberi sumbangan secara langsung, namun pihak mahkamah menilai bahawa tahap sumbangan secara tidak langsung adalah dianggap besar dan memutuskan isteri berhak mendapat satu per dua bahagian. Sebagai contoh, kes Tengku Anun Zaharah Iwn Dato Dr. Hussein,⁶⁹ yang mana mahkamah menganggap bahawa isteri telah memberikan sumbangan yang besar walaupun tidak secara langsung memandangkan isteri adalah berketurunan raja yang memudahkan suami mendapat gelaran Dato'. Ini secara tidak langsung membantu meningkatkan dan mengembangkan perniagaan suami yang mendapat kepercayaan orang ramai. Daripada itu, mahkamah memutuskan yang isteri berhak mendapat setengah daripada harta sepencarian.

Manakala sekiranya penuntut adalah seorang suri rumah yang hanya menguruskan kerja-kerja rumah, atau bekerja tetapi memberi sumbangan kewangan hanya dalam membeli keperluan harian, maka dia dianggap telah memberikan sumbangan secara tidak langsung dan layak mendapat satu per tiga daripada harta sepencarian. Contohnya dalam kes Bunga binti Ibrahim Iwn Ilia @ Zila binti Abdullah dan Lain-lain,⁷⁰ di samping menguruskan kerja-kerja rumah, plaintif juga ada membuat kerja di luar seperti memungut hasil tanaman tembakau, membuat kelapa kering dan bekerja di syarikat Ban Tembakau. Namun begitu, tiada keterangan yang menunjukkan plaintif ada memberikan sumbangan secara langsung terhadap harta yang dituntut yang berupa enam lot tanah. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa bahagian yang layak diterima oleh plaintif ialah satu per tiga.

Secara kesimpulannya, penentuan tahap sumbangan ditentukan oleh budi bicara dan kebijaksanaan hakim berdasarkan sejauh mana keterangan yang dapat diketengahkan oleh pihak penuntut terhadap tahap sumbangan yang mereka berikan.

Dalam perkara ini, mahkamah perlu lebih prihatin dengan meneliti secara lebih

61 Lihat kes Boto binti Taha Iwn Jaafar bin Muhammed [1984] 5 JH 61.

62 Semek binti Mamat Iwn Siti Zubaidah binti Yasim [1997] 11 JH 153. Dalam kes tuntutan harta sepencarian selepas penceraian lihat kes Bidah Iwn Ghani [1982] 4 JH 225.

63 <http://www.as-salihin.com/index.php?mid=1401>, (atas talian), 15 Jun 2009.

64 http://www.wasiyyahshoppe.com.my/portal/index.php?option=com_content&task=view&id=26&Itemid=25, (atas talian), 15 Jun 2009.

65 http://www.warisanmukmin.com/kepentingan_wasiat.htm, (atas talian), 15 Jun 2009.

- a menyeluruh dan mendalam serta mengambil kira perkara-perkara lain yang mungkin berkaitan untuk dipertimbangkan dalam menentukan tahap sumbangan pihak menuntut. Umpamanya, tahap pendidikan isteri dan potensi bekerja seandainya diberi peluang. Seorang isteri yang mempunyai kelulusan tinggi yang tidak bekerja kerana ingin memberi tumpuan kepada keluarga agar fikiran suami lebih tenang dan dapat bekerja dengan baik sewajarnya mendapat bahagian yang lebih berbanding seorang isteri yang mempunyai kelulusan yang rendah.

Begitu juga keadaannya, walaupun isteri ada memberi sumbangan secara langsung dengan sama-sama membantu suami membayar ansuran pembelian suatu harta seperti rumah, ini tidak bermakna sumbangan mereka boleh dianggap sebagai sama besar. Pertimbangan perlu dibuat terhadap kekerapan dan jumlah yang telah dibayar oleh isteri. Oleh itu, pembahagian boleh dibuat secara peratusan seperti 20 peratus, 30 peratus, 40 peratus, 50 peratus, 60 peratus atau 70 peratus dan sebagainya, bergantung kepada tahap sumbangan yang difikirkan adil serta wajar mengikut pertimbangan mahkamah.⁷¹

- c Terdapat satu kes berhubung kejadian seorang suami yang telah membunuh isterinya tetapi dibebaskan oleh Mahkamah Sivil kerana beliau didapati mengalami penyakit mental ketika pembunuhan itu dilakukan. Beliau kemudiannya telah memohon harta pusaka isterinya di Mahkamah Syariah. Akan tetapi permohonannya telah ditolak oleh pihak Mahkamah Syariah berdasarkan pendapat mazhab Syafie yang membunuh walaupun secara silap ('khata') menghalang dari mendapat harta pusaka orang yang kena bunuh.⁷² Di dalam perkara ini, adalah disarankan kepada suami tersebut untuk membuat tuntutan harta sepencarian seandainya ada sebarang sumbangan yang beliau berikan.

JENIS-JENIS HARTA YANG BOLEH DITUNTUT SEBAGAI HARTA SEPENCARIAN SELEPAS KEMATIAN

- f Secara umumnya, sebarang harta, sama ada harta alih atau harta tidak alih boleh dituntut sebagai harta sepencarian, seperti: rumah kediaman, rumah kedai atau lain-lain jenis bangunan, tanah, wang pampasan tanah, kenderaan, peralatan dan perkakas

⁶⁶ Norliah Ibrahim, 2007. "Masalah Tuntutan Harta Sepencarian", dlm. Najibah Mohd. Zin et al., Undang-undang Keluarga (Islam), hlm. 240. Lihat The Rassim Iwn Neman dalam E.N. Taylor, Malay Family Law, hlm. 25.

⁶⁷ Lihat kes-kes tuntutan harta sepencarian selepas penceraian berhubung maksud sumbangan, Boto binti Taha Iwn Jaafar bin Muhammed [1984] 5 JH 61, Piah Iwn Che Lah [1983] 3 JH 220, Re Elang, Re Kulup Degor dan Lebar Iwn Niat [1981 – 1982] 2 JH 300.

⁶⁸ Hajjah Saudah Iwn Hanafi Hj. Daud & Lain-lain [1991] 8 JH 66, lihat juga Hajah Lijah bte Jamal Iwn Fatimah bte. Mat Diah [1981 – 1982] 2 JH 87. Untuk kes harta sepencarian lepas penceraian yang memberi keputusan yang sama, lihat Wan Junaidah Iwn Latiff [1991 – 1993] 8 JH 122, Kamariah Iwn Masjur [1988] 6 JH 289, Kalthom bte Wahid Iwn Nordin bin Othman [1994] 9 JH 179, Zainuddin Iwn Anita [1983 – 1984] 4 JH 73 dan Bidah Iwn Abdul Ghani [1983 – 1984] 4 JH 225, Haji Abdul Rahim Iwn Isngaton [1980] 2 JH 264.

⁶⁹ Bengku Anun Zaharah Iwn Dato Dr. Hussein [1980] 3 JH 125. Keputusan yang sama juga di dalam kes Masiran bin Saadali Iwn Azizah bt. Abd. Rahman [2003] 16 JH 33.

rumah, barang kemas dan wang dalam akaun simpanan bersama.⁷³ Mungkin juga dapat dimasukkan di sini ialah syarikat yang diusahakan oleh pasangan. Suatu persoalan yang mungkin boleh dibuat kajian mengenainya ialah adakah syarikat yang diusahakan oleh salah satu pihak boleh dianggap sebagai harta sepencarian. Walaupun begitu, terdapat beberapa jenis harta yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah syariah atau fatwa negeri-negeri bukan dikira sebagai harta sepencarian, tetapi dianggap sebagai harta pusaka. Antaranya ialah:

1. Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan lain-lain institusi. Hal ini berdasarkan Fatwa Kebangsaan 1973 yang berbunyi: “Penama-penama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan yang mengatakan bahawa wang KWSP hendaklah dibahagikan mengikut faraid dan penama adalah wasi atau pentadbir harta.”⁷⁴
2. Wang pampasan insurans/takaful tanpa dilantik penama. Hal ini sebagaimana yang diputuskan dalam kes Re Man bin Minhat.⁷⁵ Walau bagaimanapun wang pampasan insurans/takaful yang dilantik penama hendaklah diberikan kepada penama tersebut untuk diagihkan kepada waris-waris yang layak.
3. Saham syarikat dan faedahnya. Hal ini merujuk kepada keputusan mahkamah kes dalam kes Re Ismail bin Rentah.⁷⁶

Walau bagaimanapun, wang pencen dan wang gratuiti, pada amalan semasa dibayar kepada orang-orang tanggungan si mati serta anak-anak yang belum cukup umur dan tidak dianggap sebagai harta pusaka.⁷⁷

KESIMPULAN

Tuntutan harta sepencarian selepas kematian adalah suatu hak yang diberikan secara eksklusif kepada pasangan suami isteri. Walau bagaimanapun, ini tidak menghalang waris-waris si mati yang berhak mewarisi harta si mati, seperti anak, untuk menuntut hak harta sepencarian bagi pihaknya. Ia merupakan suatu amalan, walaupun pada awalnya hanya suatu adat, yang tidak menyalahi mana-mana hukum atau prinsip syariah. Malahan ia selari dengan konsep keadilan yang menjadi salah satu asas utama agama Islam. Maka itu, seandainya berlaku kematian salah seorang pasangan suami isteri, isu harta sepencarian ini perlu diselesaikan terlebih sebelum pembahagian harta pusaka dilakukan. Walau bagaimanapun, ia hanya boleh dibuat sebelum melunaskan semua hutang-hutang dan wasiat si mati sekiranya ada. Bagi memudahkan urusan pembahagian harta sepencarian selepas kematian adalah disarankan agar pasangan

⁷⁰ Bunga binti Ibrahim Iwn Ilia @ Zila binti Abdullah dan Lain-lain [1994] 9 JH 198, lihat juga Habsah binti Saad Iwn Surianata Baharom & Saari Samad [2004] 17 JH 83. Untuk kes harta sepencarian lepas perceraian yang memberi keputusan yang sama, lihat Hasnah Iwn Hussein (1973) 3 JH 90, Rokiah Iwn Mohamed Idris [1990 – 1991] 7 JH 111, Serimah Iwn Muhammad Hakimi [2001] 14 JH 47 dan Sharifah Sapoyah Iwn Wan Alwi [1988] 6 JH 259.

⁷¹ Lihat Ibrahim Lembut, 2007. “Kaedad dan Keseragaman Pembahagian Harta Sepencarian dalam Harta Pusaka”, dlm. Konvensyen Perwarisan Harta Islam 2007, hlm. 30.

a membuat pengisytiharan harta sepencarian. Dalam menentukan pembahagian harta sepencarian mahkamah hendaklah menimbangkannya secara adil dan bijaksana.

b

c

d

e

f

- g
-
- 72 Al-Mawardi, 1994. Al-Hawi Al-Kabir. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah, jilid. 8, hlm. 85, al-Sharbini, 1994. Mughni Al-Muhtaj. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jilid. 4, hlm. 47.
- 73 Mohd. Radzuan Ibrahim, 2006. Munakahat: Undang-Undang dan Prosedur, hlm. 184.
- 74 Norliah Ibrahim, 2007. "Masalah Tuntutan Harta Sepencarian", dlm. Najibah Mohd. Zin et al., Undang-undang Keluarga (Islam), hlm. 250.
- 75 Re Man bin Minha [1965] 2 MLJ 1. Keputusan yang sama juga diberikan dalam kes Re Bahadun bin Hj.Hassan [1974] 1 MLJ 4. Lihat Mohd. Zamro Mudan dan Mohd. Ridzuan Awang (2006), Undang-undang Pusaka Islam, hlm. 239.
- h 76 Re Ismail bin Rentah [1940] MLJ 98.

a

b

c

d

e

f

g

77 Mohd. Radzuan Ibrahim, 2006. Munakahat: Undang-undang dan Prosedur, hlm. 243.

h